BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 08/07/08

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 29 Ogos 2007

Perkembangan Monetari dan Kewangan Julai 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pembiayaan bersih sektor swasta meningkat dengan ketara pada bulan Julai, disokong terutamanya oleh peningkatan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan.

- Kadar pinjaman purata menjadi sederhana pada bulan Julai.

- Inflasi meningkat kepada 1.6%, mencerminkan impak duti eksais yang lebih tinggi terhadap produk tembakau.

- Nisbah NPL bersih institusi perbankan terus bertambah baik kepada 3.8% pada bulan Julai.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 08/07/08

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 29 Ogos 2007

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JULAI 2007

Pada bulan Julai, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.2%. Pada bulan itu, pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 12.3% dalam pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan disumbangkan oleh pinjaman penyambung bersindiket yang besar. Jumlah pinjaman terkumpul keseluruhan di samping peningkatan berterusan pinjaman terkumpul kepada sektor is rumah meningkat dengan ketara pada kadar tahunan sebanyak 8.2%. Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal mencatat penebusan bersih sebanyak RM265 juta pada bulan Julai.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada bulan Julai dan Ogos. Meskipun kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan terus tidak berubah, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun pada bulan Julai.

Pada tempoh 1 Julai – 28 Ogos 2007, kadar pertukaran ringgit mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala. Pada tempoh 1 – 24 Julai, ringgit menambah nilai berikutan data ekonomi yang positif. Selepas menambah nilai pada separuh tahun pertama, semenjak 25 Julai, ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau lain menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama memandangkan dana beralih daripada hutang sekuriti dan ekuiti ekoran ketidakpastian yang wujud akibat perkembangan dalam pasaran subprima

di Amerika Syarikat dan pasaran kredit global. Bagi tempoh ini secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dalam julat 1.2% - 7.5%, dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat kepada 1.6% pada bulan Julai. Kadar inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* mencerminkan impak duti eksais yang lebih tinggi atas produk tembakau.


Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 18.5% pada bulan Julai, disebabkan penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi pada bulan itu. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 13.4%. Pada asas bulanan, peningkatan M3 disebabkan terutamanya tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi dan operasi Kerajaan yang mengembang.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13%. Nisbah NPL bersih terus bertambah baik kepada 3.8%. Penurunan ini disebabkan terutamanya pengelasan semula NPL kepada status berbayar dan hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan.


Kadar pinjaman purata lebih rendah

Pada tempoh 1 Julai – 28 Ogos, purata wajaran hairan bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif terus stabil.


Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan secara relatif terus tidak berubah pada bulan Julai dan Ogos. Pada 15 Ogos 2007, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan ialah masing-masing 3.08% dan 3.70%. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, BLR purata tidak berubah pada 6.72%, manakala ALR lebih rendah dengan ketara pada 6.34% pada bulan Julai (6.49% pada bulan Jun), mencerminkan sebahagian besar pengeluaran pinjaman penyambung bersindiket pada harga yang lebih rendah.




Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil




Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil




Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai dalam sistem pada bulan Julai



ALR bank perdagangan menurun pada bulan Julai, mencerminkan sebahagian besar pengeluaran pinjaman penyambung bersindiket pada harga yang lebih rendah




Nisbah pembiayaan - deposit dan nisbah pinjaman - deposit meningkat pada bulan Julai disebabkan penurunan deposit, manakala pembiayaan terus meningkat pada kadar yang stabil



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jun 07	3.09	3.17	3.32	3.42	3.71
Jul 07	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70
15 Ogos 07	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70


Kadar FD purata rendah sedikit




Kadar FD 3 bulan benar menjadi sederhana disebabkan inflasi meningkat sedikit

Prestasi ringgit bercampur-campur

Pada tempoh 1 Julai – 28 Ogos 2007, kadar pertukaran ringgit mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala. Pada tempoh 1 – 24 Julai, ringgit menambah nilai berikutan data ekonomi yang positif. Sejak 25 Julai, ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau lain menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama kerana terdapat peralihan dalam peruntukan aset daripada hutang sekuriti dan ekuiti oleh pelabur global, ekoran perkembangan dalam pasaran subprima dan pasaran perumahan Amerika Syarikat serta pasaran kredit global. Bagi tempoh ini secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dalam julat 1.2% - 7.5%, dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan beberapa mata wang serantau


Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 06	Jun 07	Jul 07	28 Ogos 07	Akhir Dis 06 - 28 Ogos 07	Akhir Jun 07 - 28 Ogos 07
Dolar AS	3.5315	3.4545	3.4540	3.4965	1.0	-1.2
Euro	4.6460	4.6425	4.7380	4.7659	-2.5	-2.6
Paun sterling	6.9315	6.9171	7.0197	7.0170	-1.2	-1.4
100 yen Jepun	2.9675	2.8000	2.9044	3.0274	-2.0	-7.5
Dolar Singapura	2.3028	2.2547	2.2851	2.2970	0.3	-1.8
100 baht Thailand	9.8111	10.0000	10.2114	10.1583	-3.4	-1.6
100 peso Filipina	7.2027	7.4692	7.6180	7.4815	-3.7	-0.2
100 rupiah Indonesia	0.0393	0.0382	0.0376	0.0372	5.6	2.7
100 won Korea	0.3797	0.3732	0.3756	0.3717	2.2	0.4
Renminbi China	0.4523	0.4535	0.4566	0.4625	-2.2	-1.9


Inflasi meningkat kepada 1.6%

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam IHP, meningkat kepada 1.6% pada bulan Julai. Kadar inflasi bagi kategori *minuman alkohol dan tembakau* meningkat kepada 13.9% pada bulan Julai 2007 daripada 4.7% pada bulan Jun, berikutan duti eksais yang lebih tinggi yang dikenakan oleh Kerajaan atas produk tembakau pada bulan itu. Kesannya, harga tembakau menyumbang sebanyak 0.3 mata peratusan kepada inflasi pada bulan itu. Kadar inflasi bagi kategori *makanan*

dan minuman bukan alkohol terus tidak berubah pada 2.3% pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, barangan dalam kategori *pakaian dan kasut dan komunikasi* terus mengalami penurunan harga, dengan itu menyederhanakan kenaikan IHP keseluruhan.




Inflasi meningkat kepada 1.6% pada bulan Julai



Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar sederhana pada bulan Jun

Pada bulan Jun, kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 4.2% (Mei: 4.4%). Inflasi yang lebih tinggi dalam sektor berkaitan komoditi berikutan kenaikan berterusan harga komoditi telah diimbangi sebahagiannya oleh kadar inflasi sektor bukan berkaitan komoditi yang lebih rendah.



Kadar kenaikan IHPR sederhana pada bulan Jun

M3 berkembang pada asas tahunan


Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 18.5% pada bulan Julai (Jun: 16.2%), disebabkan penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi pada bulan itu. Wang secara luas atau M3 berkembang 13.4% (Jun: 12.6%). Pada asas bulanan, M3 berkembang disebabkan terutamanya tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi. Operasi Kerajaan juga menyumbang kepada pengembangan M3, berikutan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi pada bulan Julai di samping kenaikan gaji kakitangan awam.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 07	**Mei 07**	**Jun 07**	**Jul 07**
M3	7.3	2.8	-10.6	11.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-5.4	-7.2	-8.1	5.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	5.7	2.8	7.0	17.0
Pinjaman	*2.7*	*2.1*	*3.3*	*17.1*
Sekuriti	*-4.7*	*0.3*	*1.5*	*-0.1*
Operasi luar bersih *	22.9	24.2	-6.4	-3.9
Pengaruh lain	-15.9	-17.0	-3.2	-7.6

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan lebih rendah pada bulan Julai

Pada bulan Julai, jumlah deposit dengan sistem perbankan menurun sebanyak RM5.6 bilion lantas menyebabkan kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 14.2% (Jun: 16.2%). Terdapat kenaikan yang besar dalam "deposit lain" pada bulan itu berikutan langkah pendeposit bertukar daripada repo (perjanjian belian balik) kepada deposit pasaran wang jangka pendek. Deposit pasaran wang jangka pendek ialah instrumen baharu yang memberikan lebih fleksibiliti kepada pelanggan institusi dalam pengurusan aliran tunai, dengan pulangan faedah yang menarik. Institusi kewangan juga menebus balik instrumen deposit boleh niaga yang telah matang.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 07	**Mei 07**	**Jun 07**	**Jul 07**
Kerajaan Persekutuan	383	-492	4,116	-1,732
Kerajaan Negeri	364	-100	-265	643
Badan Berkanun [1]	-326	2,942	-3,047	791
Institusi Kewangan	-7,152	3,193	-14,978	-11,737
Perusahaan Perniagaan	6,957	-769	2,516	5,813
Individu	3,338	2,955	1,590	1,166
Lain-lain [2]	731	-733	-3,287	-550
Jumlah	4,295	6,996	-13,355	-5,607

1/ Termasuk Kerajaan tempatan


2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)


	Perubahan pada tempoh			
	Apr 07	**Mei 07**	**Jun 07**	**Jul 07**
Deposit tetap	1,316	6,079	-1,315	3,606
NID	-2,133	1,538	-16,757	-18,354
Deposit permintaan	3,091	1,551	2,570	1,312
Deposit tabungan	734	-193	938	471
Perjanjian beli balik (Repo)	-13,368	-4,437	-29,221	-31,375
Deposit mata wang asing	965	-1,883	2,096	-561
Deposit SPI	3,047	2,620	81	1,254
Lain-lain	10,642	1,721	28,252	38,039
Jumlah	4,295	6,996	-13,355	-5,607

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat

Pada bulan Julai, pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi pada RM69.1 bilion (Jun: RM54.5 bilion) disokong oleh pengeluaran pinjaman yang meningkat. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.2% (Jun: 6%).



Pembiayaan kasar sektor swasta disokong pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi



Pengeluaran pinjaman mencatat paras tertinggi disebabkan pengeluaran pinjaman penyambung bersindiket yang besar

Penunjuk Pinjaman Bank


	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Jun	Julai	Jun	Julai
Jumlah				
Permohonan pinjaman	45.3	39.0	78.7	55.5
Kelulusan pinjaman	32.2	25.5	80.6	77.4
Pengeluaran pinjaman	50.0	65.0	13.1	48.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.6	17.7	6.0	8.2
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	29.3	21.2	116.0	60.4
Kelulusan pinjaman	21.7	14.4	115.7	110.3
Pengeluaran pinjaman	35.9	49.2	12.9	55.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.7	15.8	6.0	12.3
PKS				
Permohonan pinjaman	8.6	9.0	49.6	64.3
Kelulusan pinjaman	5.7	5.5	72.7	96.3
Pengeluaran pinjaman	12.0	11.6	8.9	1.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.1	0.6	3.9	3.8
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	16.1	17.7	36.0	49.9
Kelulusan pinjaman	10.5	11.2	35.0	47.7
Pengeluaran pinjaman	14.1	15.9	13.7	31.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.0	2.5	7.2	7.1

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

Penunjuk pinjaman bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Penunjuk pinjaman utama bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif pada bulan Julai. Pada asas tahunan, pengeluaran pinjaman meningkat dengan ketara, mencerminkan sebahagian besarnya pengeluaran pinjaman yang diluluskan sepanjang bulan Mei-Jun di bawah kemudahan pinjaman penyambung bersindiket yang besar. Kenaikan ketara dalam pengeluaran pinjaman perniagaan berlaku dalam sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Selain pengeluaran di bawah kemudahan pinjaman penyambung bersindiket, pengeluaran pinjaman kepada sektor perdagangan borong dan runcit, dan sektor perkilangan juga ketara. Di samping itu, pinjaman yang dikeluarkan bagi tujuan pembelian harta kediaman, dan sebahagiannya untuk pembelian kereta penumpang, juga menyumbang kepada pengeluaran pinjaman keseluruhan yang lebih tinggi pada bulan itu.


Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.2% pada akhir bulan Julai (akhir bulan Jun: 6%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan sebanyak 12.3% dan 7.1% (akhir bulan Jun: masing-masing 6.0% dan 7.2%).

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal terus ketara

Pada bulan Julai, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal mencatat kedudukan penebusan bersih sebanyak RM265 juta. Sektor awam memperoleh dana berjumlah RM3.6 bilion melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 10 tahun. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh dalam sektor swasta mencatat kedudukan penebusan bersih sebanyak RM3.9 bilion. Dana yang diterbitkan melalui terbitan PDS pada bulan Julai adalah terutamanya untuk tujuan aktiviti baharu dan pembiayaan semula. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana yang diperoleh melalui terbitan PDS mencatat kedudukan

penebusan bersih sebanyak RM4.0 bilion. Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh melalui tawaran awam awal meningkat kepada RM131 juta pada bulan Julai daripada RM18 juta pada bulan Jun, sebahagian besarnya melalui terbitan dalam sektor harta tanah.


Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI meningkat sederhana

Pada bulan Julai, KLCI mencecah paras tinggi yang baharu, iaitu 1,392.18 mata disebabkan perkembangan domestik yang positif seperti pelancaran pelan induk Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan kenaikan kukuh harga minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, menjelang akhir bulan Julai, KLCI mengalami pembetulan dan ditutup pada 1,373.71 mata. Pembetulan pasaran ekuiti adalah sejajar dengan pembetulan pasaran ekuiti global, yang dicetuskan oleh kebimbangan terhadap pasaran gadai janji subprima Amerika Syarikat. Permodalan pasaran menurun kepada RM1,077.3 bilion (sejak akhir bulan Jun: -1.0%), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 1,510.8 juta unit (Jun: 1,299.1 juta unit).




Pembetulan dalam pasaran ekuiti domestik berikutan perkembangan dalam pasaran kewangan global

Pada 28 Ogos 2007, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,278.95 mata (sejak akhir bulan Julai: -6.9%). Permodalan pasaran keseluruhan lebih rendah pada RM988.1 bilion (sejak akhir bulan Julai: -8.3%) dan aktiviti dagangan juga lebih perlahan dengan urus niaga purata harian pada 1,272.96 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM340 bilion (bersamaan dengan USD98.5 bilion) pada 31 Julai 2007. Pada 15 Ogos 2007, rizab berjumlah RM339.7 bilion atau bersamaan dengan USD98.4 bilion. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 8.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Tahap permodalan bank terus kukuh berikutan kualiti aset yang terus meningkat


Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing pada 13% dan 10.1% pada akhir bulan Julai 2007. Kualiti aset bertambah baik dengan nisbah NPL menurun 0.3% untuk mencakupi 3.8% daripada jumlah pinjaman bersih. Perkembangan ini disebabkan terutamanya pengelasan semula NPL kepada status berbayar dan hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Mei 07	Jun 07	Jul 07
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.1	10.0	10.1
RWCR	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.1	13.2	13.0
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	4.3	4.1	3.8
Jumlah (RM juta)	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	24,872	24,034	23,412
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7


* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Tahap permodalan terus kukuh…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…manakala paras NPL terus bertambah baik

Bank Negara Malaysia
29 Ogos 2007

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mei 07		Jun 07		Jul 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		58.0	8.7	59.1	10.6	59.3	10.4
M1		149.5	19.2	149.4	16.2	152.3	18.5
M2		762.4	17.4	750.0	13.0	758.7	13.3
M3		799.2	14.3	788.6	12.6	799.9	13.4
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		853.1	19.0	839.8	16.2	834.2	14.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		608.4	5.9	614.0	6.0	631.7	8.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		69.0		70.6		73.4	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		77.2		79.3		81.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		45.1	65.3	45.3	78.7	39.0	55.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		32.3	108.6	32.2	80.6	25.5	77.4
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		45.5	7.5	50.0	13.1	65.0	48.6
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		41.3	9.5	43.4	11.9	45.4	17.0
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.1		13.2		13.0	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.3		4.1		3.8	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		339.5		339.8		340.0	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		98.4		98.4		98.5	
Bilangan bulan import tertangguh		8.9		8.9		8.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.50]		3.50 [3.50]		3.49 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.53 [3.52]		3.52 [3.52]	
	1 bulan	3.54 [3.54]		3.55 [3.54]		3.57 [3.55]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.10		3.09		3.08	
	3 bulan	3.18		3.17		3.15	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.44		6.49		6.34	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		105.1	1.4	105.3	1.4	105.7	1.6
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		132.6	4.4	132.5	4.2	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.4045		3.4545		3.4540	
Euro		4.5724		4.6425		4.7380	
Paun Sterling		6.7278		6.9171		7.0197	
100 Yen Jepun		2.8004		2.8000		2.9044	
Dolar Singapura		2.2265		2.2547		2.2851	
100 Baht Thailand		9.8297		10.0000		10.2114	
100 Peso Filipina		7.3778		7.4692		7.6180	
100 Rupiah Indonesia		0.0386		0.0382		0.0376	
100 Won Korea		0.3669		0.3732		0.3756	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	3.0		5.0		3.6	
	swasta	0.6		3.9		-3.9	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,346.9		1,354.4		1,373.7	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,060.9		1,088.3		1,077.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.